

04/02/2004

Rakyat turut bersedih (HL)

Mutazar Abdul Ghani; Mohd Anwar Patho Rohman

BUTTERWORTH: Kira-kira 10,000 pelbagai lapisan rakyat memberi penghormatan terakhir kepada jenazah Allahyarham Datuk Khailan Hassan, 79, ibu kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, yang meninggal dunia petang kelmarin.

Mereka datang ke kediaman Allahyarham di Jalan Perak, Kepala Batas, dekat sini, sejak petang kelmarin sebaik saja menerima berita kematian itu pada jam 5.10 petang untuk bersama-sama Perdana Menteri dan keluarga.

Selain Abdullah, turut menyambut kedatangan kenamaan dan orang ramai ialah anaknya, Kamaluddin, Nori dan menantunya, Khairi Jamaluddin.

Yang di-Pertuan Agong, Tuanku Syed Sirajuddin Putra Jamalullail dan Raja Permaisuri Agong Tuanku Fauziah Tengku Abdul Rashid serta Yang di-Pertua Negeri Pulau Pinang, Tun Abdul Rahman Abbas dan isteri, Toh Puan Majimor Shariff, turut berangkat memberi penghormatan.

Bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad dan isteri Tun Dr Siti Hasmah Mohd Ali; Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak serta isteri, Datin Seri Rosmah Mansur juga hadir memberi penghormatan terakhir kepada Allahyarham.

Isteri Perdana Menteri, Datin Seri Endon Mahmood tidak dapat menghadiri pengebumian ibu mentuanya kerana beliau sedang menjalani rawatan di luar negara.

Jurucakap Pejabat Perdana Menteri berkata, Endon berlepas ke Amerika Syarikat pada 20 Januari lalu dan dijangka pulang pertengahan bulan ini.

Menteri Kabinet, menteri besar dan ketua menteri, pemimpin parti komponen Barisan Nasional (BN) serta pembangkang kelihatan di kediaman Allahyarham.

Antaranya Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Seri Rafidah Aziz; Menteri Penerangan, Tan Sri Khalil Yaakob; Menteri Pertanian, Tan Sri Muhyiddin Yassin; Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Dr Jamaludin Jarjis dan Menteri Pembangunan Luar Bandar, Datuk Azmi Khalid.

Ketua Menteri Pulau Pinang, Tan Sri Dr Koh Tsu Koon serta timbalannya, Datuk Dr Hilmi Yahaya; Ketua Menteri Melaka, Datuk Wira Mohd Ali Rustam; Menteri Besar Perak, Datuk Seri Tajol Rosli Ghazali dan Menteri Besar Selangor, Datuk Seri Dr Mohamad Khir Toyo.

Menteri Kabinet lain yang hadir antaranya, Menteri Kerjaraya, Datuk Seri S Samy Vellu; Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Seri Ong Ka Ting; Menteri Pengangkutan, Datuk seri Chan Kong Choy; Menteri Tenaga, Komunikasi dan Multimedia, Datuk Amar Leo Moggie; Menteri Kesihatan, Datuk Chua Jui Meng; Menteri Perusahaan Utama, Datuk Seri Dr Lim Keng Yaik dan Menteri Belia dan Sukan, Datuk Hishammuddin Hussein.

Turut hadir Penasihat Agama Perdana Menteri, Tan Sri Dr Abdul Hamid Othman; Ketua Pergerakan Puteri Umno, Datuk Azalina Othman Said; Presiden Parti Progresif Penduduk Malaysia (PPP) yang juga Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk M Kayveas.

Adik Abdullah, Datuk Ibrahim, yang sebelum ini berada di Australia pulang tengah hari tadi untuk menziarahi jenazah ibunya.

Tokoh pembangkang yang hadir termasuk Presiden Parti Keadilan Nasional (Keadilan), Datin Seri Wan Azizah Wan Ismail; Setiausaha Agung Pas, Nasharuddin Mat Isa; Ahli Parlimen Pokok Sena, Kedah daripada Pas, Mahfuz Omar serta Ketua Pembangkang Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang dari Keadilan, Abdul Rahman Kadir.

Pengarang Kumpulan Berita Harian Sdn Bhd (BHSB), Hishamuddin Aun; Pengarang Kumpulan New Straits Times (NST), Datuk Ahmad A Talib; Ketua Pengarang Kumpulan Utusan Melayu (M) Berhad, Datuk Khalid Mohd; Ketua Pengarang Bernama, Jaafar Hussin dan Timbalan Pengarang Kumpulan BHSB, Mior Kamarul Shahid, juga hadir.

Allahyarham Khailan menghembuskan nafas terakhir di hadapan anak bongsunya, Mohd Tahir, menantunya, Khairun Bilal, 41, serta Mohd Kamal Bilal, 42 (yang juga abang kepada Khairun).

Ratusan orang termasuk 100 anggota Rejimen Askar Melayu dari Sungai Petani, Pulau Pinang dan Bukit Kayu Hitam, 60 anggota Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM) dan 60 anggota Rela dan Pemuda Umno berbaris sepanjang kira-kira 200 meter untuk mengusung jenazah ke masjid itu.

Sebagai menghormati kematian Allahyarham Khailan, kerajaan negeri Kedah kelmarin membatalkan lawatan kerja sehari Perdana Menteri ke negeri itu semalam.